



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-44 TAHUN 2025
(26 Oktober 2025 – 1 November 2025)

Putrajaya, 7 November 2025 - Pemantauan pada minggu epidemiologi ke-44 tahun 2025 (ME 44/2025) menunjukkan terdapat sedikit peningkatan dalam kadar konsultasi kes *Influenza-Like Illness (ILI)* berbanding minggu sebelumnya iaitu daripada 8.18% (ME 43/2025) kepada 8.34% pada ME 44/2025. Walau terdapat peningkatan kecil, **kadar** ini masih berada pada tahap **stabil** dan **lebih rendah** berbanding minggu puncak pada ME 42/2025 yang mencatatkan kadar 9.68%.

Dari segi pelaporan wabak, sebanyak 43 wabak dilapor pada ME 44/2025 berbanding 30 wabak pada minggu sebelumnya. Walau bagaimanapun, angka ini masih **jauh lebih rendah** berbanding 216 wabak yang dilaporkan pada ME 42/2025.

Analisis makmal melalui Survelan ILI dan SARI menunjukkan kadar positif Influenza meningkat daripada 27.6% (ME 43/2025) kepada 37.6% (ME 44/2025). Namun begitu, sehingga kini, jujukan genom menunjukkan **tiada sebarang mutasi baharu virus influenza dikesan**.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihatkan orang ramai, khususnya ibu bapa dan penjaga, agar sentiasa **peka terhadap gejala jangkitan saluran pernafasan dalam kalangan anak-anak**. Segera bawa mereka ke klinik atau hospital sekiranya menunjukkan tanda-tanda seperti berikut:

- a) lemah dan tidak mahu makan atau minum;
- b) tanda dehidrasi seperti mata cengkung, mulut dan mata kering;
- c) pernafasan laju, sukar atau berbunyi, atau dada kelihatan masuk ke dalam semasa bernafas;
- d) sawan;
- e) bibir atau jari menjadi kebiruan; dan
- f) demam berpanjangan.

KKM melalui sistem Survelan ILI dan *Severe Acute Respiratory Infection (SARI)* akan terus memantau trend jangkitan penyakit saluran pernafasan akut di seluruh negara. Pemantauan ini juga termasuk situasi jangkitan Influenza dari semasa ke semasa serta memastikan langkah-langkah pencegahan, kawalan dan kesiapsiagaan dilaksanakan secara berterusan di semua peringkat. Orang ramai dinasihatkan supaya merujuk portal rasmi KKM dan laman Facebook rasmi KKM untuk maklumat sahih dan terkini.

- TAMAT -

Kementerian Kesihatan Malaysia



MAKLUMAT TAMBAHAN:

Jadual 1: Indikator Utama Influenza ME 43/2025 dan ME 44/2025

Aktiviti/ Indikator	ME 43/2025	ME 44/2025
Kadar konsultasi ILI (jangkitan ringan)	8.18%	8.34%
Kadar kemasukan kes SARI ke hospital (jangkitan sederhana dan teruk)	10.45%	9.73%
Kluster jangkitan saluran pernafasan akut disahkan influenza	30	43
Kadar positif sampel ILI dan SARI bagi influenza*	27.6%	37.6%

**Data surveilans ILI dan SARI berasaskan makmal akan dikemaskini pada setiap Khamis minggu berikutnya.*

**Jadual 2: Kluster Influenza Mengikut Negeri
ME 43/2025 dan ME44/2025**

Negeri	Bil. Kluster (ME 43/2025)	Bil. Kluster (ME 44/2025)	Bil. Kluster (Kumulatif)
Selangor	22	21	286
WPKL & Putrajaya	2	7	144
Johor	0	3	81
Pulau Pinang	0	1	65
Perak	2	3	57
Kedah	0	3	56
Negeri Sembilan	1	0	43
Kelantan	1	1	22
Sarawak	1	2	20
Pahang	1	0	18
Terengganu	0	0	8
Melaka	0	0	7
Sabah	0	2	6
Perlis	0	0	4
WP Labuan	0	0	3
Jumlah	30	43	820

**Jadual 3: Kluster Influenza Mengikut Kategori Premis
ME 43/2025 dan ME44/2025**

Kategori Premis	Bil. Kluster (ME 43/2025)	Bil. Kluster (ME 44/2025)	Bil. Kluster (Kumulatif)
Sekolah	15	20	521
Tadika	4	3	108
Rumah Persendirian	7	8	56
Institusi Pendidikan lain	0	0	51
Taska	1	4	45
Pusat Jagaan	0	2	15
Tempat Kerja	0	2	10
Pusat Tahanan	1	3	7
Lain-lain	2	1	7
Jumlah	30	43	820